

## Kempen e-Duit Raya 2019

### Tempoh Promosi

"Kempen e-Duit Raya 2019" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) ("HLISB") bermula pada 28 Mei 2019 dan berakhir pada 23 Jun 2019 ("Tempoh Promosi"), termasuk kedua-dua tarikh tersebut melainkan diberitahu sebaliknya.

HLB dan HLISB kemudian daripada ini secara kolektif disebut "Bank".

### Terma dan Syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ("T&S"):-

#### **Kelayakan**

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu sedia ada dan baharu yang memegang akaun Semasa atau Simpanan HLB / Akaun Semasa atau Simpanan-i ("CASA / CASA-i") HLISB dan yang telah mendaftar dengan Hong Leong Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi ("Pelanggan").
2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebankrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai atau serta-merta akan hilang kelayakan untuk menyertai Promosi.
3. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank sebagai berpotensi untuk melakukan mana-mana perbuatan salah yang dinyatakan di sini, akan serta-merta hilang kelayakan untuk menyertai Promosi.

#### **Tatacara Promosi dan Pemilih Pemenang**

4. Setiap Transaksi e-Duit Raya atau DuitNow yang dilaksanakan menggunakan ID DuitNow yang unik dengan jumlah minimum RM1.00 setiap hari semasa Tempoh Promosi akan diterima sebagai satu Transaksi yang Layak.
5. Untuk mengelakkan sebarang keraguan:
  - a. Transaksi DuitNow bermaksud pindahan dana ke ID DuitNow penerima berdaftar, termasuk telefon mudah alih, MyKad, pasport, nombor Tentera / Polis atau Pendaftaran Perniagaan.
  - b. Transaksi e-Duit Raya bermaksud pindahan dana ke nombor telefon mudah alih penerima yang telah didaftarkan untuk menyertai DuitNow.
6. Pelanggan yang telah:
  - (i) mendaftarkan Nombor Telefon Bimbit mereka sebagai ID DuitNow dengan Bank; dan
  - (ii) berjaya melakukan sekurang-kurangnya satu transaksi e-Duit Raya atau DuitNow melalui Hong Leong Connect semasa Tempoh Promosi ("Pelanggan yang Layak") akan berpeluang memenangi Hadiah Tunai seperti yang dinyatakan di bawah.

Hadiah Tunai	Bilangan Pemenang Harian
RM1,000	8 pemenang
RM500	27 pemenang, 1 setiap hari
RM10	1,350 pemenang, 50 setiap hari

7. Hadiah Wang Tunai RM1,000
  - a) Seramai lapan (8) orang Pelanggan yang Layak akan dipilih secara rawak ("Pelanggan yang Dipilih") dan dihubungi berdasarkan usaha yang terbaik menerusi nombor telefon mudah alih terkini yang dirakamkan dan ditunjukkan pada rekod Bank oleh agen Bank yang berdaftar, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574-V) ("Dynamic Search") untuk sesi soal jawab. Pelanggan mempunyai kewajipan untuk memberikan nombor telefon mudah alih mereka yang terkini, sah dan tepat kepada Bank.

- b) Percubaan sebanyak maksimum tiga (3) kali akan dibuat oleh Dynamic Search untuk menghubungi Pelanggan yang Dipilih mulai 24 Jun 2019, bermula hari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) antara 10:00 pagi hingga 6:00 petang. Rekod percubaan membuat panggilan oleh Dynamic Search kepada Pelanggan yang Dipilih adalah muktamad dalam hal ini. Sekiranya Dynamic Search tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Dipilih selepas percubaan sebanyak tiga (3) kali atas sebarang sebab, penyertaan mereka akan dibatalkan dan mereka tidak berpeluang memenangi Hadiah Wang Tunai RM1,000.
  - c) Pelanggan yang Dipilih yang menjawab satu (1) soalan yang sudah ditentukan terlebih awal akan diumumkan sebagai Pemenang Hadiah Wang Tunai RM1,000.
8. Hadiah Wang Tunai RM500 dan Hadiah Wang Tunai RM10
- a) Para Pemenang Hadiah Wang Tunai RM500 dan RM10 akan dipilih mengikut siapa cepat dia dapat berdasarkan bilangan Transaksi yang Layak paling tinggi dilakukan setiap hari, di mana sekiranya berlaku pemecah seri, pemenang akan ditentukan mengikut jumlah tertinggi Transaksi yang Layak harian.
9. Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pelanggan yang Layak hanya layak memenangi mana-mana Hadiah Wang Tunai RM1,000, Hadiah Tunai Harian RM500 dan Hadiah Tunai Harian RM10 sehingga jumlah maksimum tiga (3) kali sahaja sepanjang Tempoh Promosi.

#### **Pengumuman Pemenang dan Pembayaran Hadiah Tunai**

10. Seramai 1,385 orang pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Promosi (secara kolektif dikenali sebagai "Pemenang").
11. Pemilihan Pemenang akan mengikut budi bicara mutlak Bank berdasarkan kriteria yang ditetapkan di atas (klausa 1 -9) dan ditentukan berdasarkan data yang dirakam oleh Bank.
12. Pengumuman Pemenang akan dibuat dalam masa enam puluh (60) hari bekerja selepas tamat Tempoh Promosi ("Tarikh Pengumuman Pemenang") menerusi saluran media sosial Bank dan Laman Web Promosi.
13. Semua Hadiah Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA / CASA-i yang dimiliki oleh pemenang sebagaimana yang ditentukan oleh Bank sebelum 23 September 2019.
14. Sekiranya Pemenang tidak menerima hadiah tunai dalam masa 60 hari selepas tarikh Pengumuman Pemenang, mereka hendaklah memaklumkan kepada Bank tentang Hadiah Tunai yang tidak diterima. Sekiranya gagal berbuat demikian, mereka akan dianggap sebagai telah menerima Hadiah Tunai dan sebarang permintaan untuk pembayaran balik Hadiah Tunai tidak akan dilayan oleh Bank.
15. Bagi mengelakkan kekeliruan, Bank berhak secara mutlak untuk menentukan sama ada pemenang layak untuk menerima apa-apa Hadiah Tunai dan sebarang pertikaian berhubung keputusan Bank tidak akan dilayan.
16. Para pemenang perlu mengekalkan nombor telefon mudah alih mereka sebagai ID DuitNow yang berdaftar dengan Bank dan CASA / CASA-i milik pemenang perlu aktif dan sah pada 23 September 2019, dan sekiranya gagal, Hadiah Tunai akan dibatalkan mengikut budi bicara mutlak Bank.

#### **Am**

17. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
  - (a) untuk membaca, memahami dan terikat dengan T&S yang terkandung;
  - (b) bahawa keputusan Bank dalam semua hal berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikai dan terikat bagi semua Pelanggan dan surat menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayan.
  - (c) untuk mengakses laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB") pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
  - (d) untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
18. Bank berhak:

- (a) Untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlak Bank dengan cara memaparkannya di Laman Web HLB, atau melalui apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan notis awal;
  - (b) untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan dalam Promosi ini atas sebarang sebab yang dianggap sesuai menurut budi bicara Bank tanpa memberikan sebarang sebab.
19. T&S yang terkandung, Terma dan Syarat Am Akaun, dan Terma dan Syarat Hong Leong Connect hendaklah dibaca sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
20. Sekiranya berlaku percanggahan antara T&S ini berbanding dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S terakhir pada Laman Web HLB akan digunakan.
21. T&S akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

**Deposit Tetap / Deposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**